

28/6/2018
SIARAN MEDIA 1
PBA HOLDINGS BHD AGM 2018

PBAHB BERI IMBUHAN KEPADA PEMEGANG SAHAM UNTUK TAHUN ke-16 BERTURUT-TURUT

- **AGM ke-18 PBA Holdings Bhd meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham pada 28/6/2018.**
- **Jumlah dividen bagi 2017 adalah kira-kira 4.00 sen sesaham.**

PULAU PINANG, Khamis, 28/6/2018: PBA HOLDINGS BHD (rujukan saham: PBA - 5041) akan membayar dividen akhir satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham bagi tahun kewangan 2017.

Jumlah ini mengambil kira keseluruhan 8,502 pemegang saham untuk pembayaran dividen akhir ini iaitu RM13.2 juta. Pembayaran dividen akhir telah diluluskan oleh pemegang saham PBAHB dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) syarikat di sini hari ini.

Terdahulu, pada Januari 2018, PBAHB telah membayar dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham kepada semua pemegang saham.

Oleh itu, jumlah dividen yang diisytiharkan oleh PBAHB bagi tahun kewangan berakhir 31/12/2017 berjumlah kira-kira 4.00 sen sesaham.

Tahun 2017 adalah kali ke 16 berturut-turut PBAHB telah secara konsisten membayar dividen kepada para pemegang sahamnya. Syarikat ini telah disenaraikan pada 18/4/2002.

PRESTASI KEWANGAN 2017

Pada tahun 2017, perniagaan teras Kumpulan PBAHB adalah bekalan air bagi Negeri Pulau Pinang. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), anak syarikat milik penuh PBAHB, adalah operator bekalan air berlesen di Pulau Pinang.

PBAHB mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM37.3 juta pada tahun 2017 berbanding RM61.8 juta pada 2016, yang sumber utamanya adalah daripada jualan air di Pulau Pinang.

2 sebab utama angka PAT yang lebih rendah pada tahun 2017 adalah:

- PBAPP memberi diskaun bil air untuk kesemua 604,547 pengguna air di Pulau Pinang untuk satu kitaran bekalan air, bagi menyokong usaha bantuan banjir “Pulau Pinang Bangkit” pada bulan November 2017. Tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini melibatkan kos RM16.6 juta pada hasil; dan
- PBAHB menanggung perbelanjaan cukai pendapatan sebanyak RM3.7 juta pada tahun 2017, berbanding bayaran balik cukai pendapatan sebanyak RM7.1 juta pada 2016 (disebabkan lanjutan dalam elaun pelaburan semula).

Kedua-dua faktor ini mengurangkan PAT PBAHB sebanyak RM27.4 juta.

Walau bagaimanapun, PBAHB berjaya mengurangkan kos jualan dan pentadbirannya kira-kira RM1.9 juta pada tahun 2017, untuk merekodkan PAT sebanyak RM37.3 juta.

PELANTIKAN PENERUSI BARU

Berikutan keputusan Pilihanraya Umum Malaysia ke-14 yang bersejarah pada 9/5/2018, Pengerusi PBAHB dan PBAPP sebelum ini, YB Tuan Lim Guan Eng, telah dilantik sebagai Menteri Kewangan, Malaysia.

YAB Tuan Chow Kon Yeow telah dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru. Oleh kerana kedudukannya sebagai Ketua Menteri, YAB Tuan Chow kini adalah Pengerusi Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif PBAHB dan PBAPP, selaras dengan Perlembagaan Syarikat PBAHB.

PBAHB dan PBAPP mengucapkan terima kasih kepada YB Tuan Lim dan semua bekas Ahli Lembaga Pengarah, atas sumbangan dan bimbingan terbaik sepanjang tempoh jawatan mereka.

Kami berharap agar kejayaan mengiringi setiap usaha yang dilakukan mereka.

INISIATIF UNTUK MEMASTIKAN BEKALAN AIR LESTARI

Sehingga Jun 2018, berikut adalah ringkasan 3 inisiatif bekalan air PBAPP untuk memastikan pengurusan bekalan air lestari di Pulau Pinang:

- Projek Saluran Paip Dasar Laut Berkembar ke-3

Projek Saluran Paip Dasar Laut Berkembar Butterworth-to-Pulau Pinang bernilai RM125.0 juta yang akan memudahkan pengepaman lebih banyak air terawat dari Sungai Dua ke lokasi ini pada masa akan datang. Projek paip dasar laut ketiga Pulau Pinang dijadualkan siap pada Disember 2020.

- Mengambil alih kembali Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan

Pulau Pinang sedang menunggu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) menyerahkan Empangan Mengkuang yang diperbesarkan kepada 73.5 bilion liter dalam keadaan yang baik. Syarat-syarat utama untuk diserahkan termasuk:

1. Peruntukan KeTTHA berjumlah RM100 juta untuk satu ampang jajar baru merentasi Sungai Muda di Rantau Panjang;
2. Komitmen KeTTHA untuk membina Stesen Pam Lahar Yooi yang pada asalnya bernilai RM80 juta di bawah "Rolling Plan 4"; dan
3. Komitmen KeTTHA untuk menyiapkan projek saluran paip air mentah yang asalnya yang ditetapkan dari Rumah Pam Mak Sulong di Seberang Prai Tengah ke Terusan Sungai Dua menjelang Mac 2020.

- Memperolehi Kelulusan untuk Kajian Semula WCS Pulau Pinang

PBAPP akan memperolehi kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk semakan semula cadangan surcaj penjimatan air Pulau Pinang (WCS).

Pada 28/4/2017, PBAPP membuat permohonan kepada SPAN untuk menyemak semula WCS daripada RM0.48 setiap 1,000 liter kepada RM1.00 bagi setiap 1,000 liter, bagi penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan sahaja.

WCS tidak menjejaskan 77% daripada 518,001 pengguna domestik Pulau Pinang yang menggunakan kurang daripada 35,000 liter air sebulan pada 2017.



Objektif semakan semula WCS adalah untuk meyakinkan baki 23% pengguna domestik Pulau Pinang untuk menggunakan air secara berhemah di rumah.

PBAPP mensasarkan untuk mengurangkan penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang daripada 276 liter/kapita/hari (l/k/h) kepada 257 l/k/h secepat mungkin. Purata kebangsaan pada tahun 2017 adalah 209 l/k/h.

Inisiatif pengurusan permintaan air domestik ini akan membantu PBAPP untuk memastikan adanya air yang mencukupi untuk semua penduduk dan perniagaan di Pulau Pinang, walaupun ketika musim kemarau yang berpanjangan.

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my